

10/01/1997

Remaja digesa usah tiru budaya Barat

SINTOK, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap sesetengah remaja tempatan meniru budaya Barat seperti punk dan skinhead serta menyifatkan mereka bodoh dan sombong kerana meniru budaya negatif yang merosakkan kehidupan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, meminta rakyat menghapuskan perasaan rendah diri yang menyebabkan mereka sering meniru golongan yang dianggap lebih baik.

"Tak fasal-fasal bubuh gam pada rambut dan buat macam Red Indian. Saya tak tahu pasal apa nak kena buat. Kita ada rambut yang elok, apa pasal nak bubuh gam. Kita tak payah nak ada budaya punk kerana ia adalah suatu kebodohan.

"Tengok orang putih buat, kita pun nak buat. Orang putih buat kelakuan tak senonoh kita pun nak buat ... minum arak dan hisap dadah. Kita jangan pandang mereka sebagai contoh yang baik. Jika ada kebaikan kita tiru tetapi kalau bawa budaya punk ini ke negara kita, apalah gunanya.

"Bukan main sombong lagi mereka ini, kononnya nak pukul orang kalau cuba buat sesuatu kepada mereka. Saya nak tengok siapa nak pukul siapa," katanya kepada kira-kira 1,000 pelajar di majlis perhimpunan pelajar kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menggubal dasar Pandang ke Timur kerana bangsa Jepun dan Korea berjaya mencapai kejayaan hasil disiplin mereka. Walaupun kedudukan ekonomi kedua-dua negara itu merosot sedikit, kerana disiplin mereka, Jepun dan Korea sanggup mengawal nafsu sehingga mencapai kejayaan.

Beliau berharap rakyat dapat mempelajari disiplin yang dimiliki rakyat kedua-dua negara itu serta sentiasa mematuhi arahan dan sanggup maju walaupun ada musuh lebih kuat di depan.

Perdana Menteri memberikan sejarah British sebagai contoh, yang menurutnya berjaya menjadikan negara itu dan rakyatnya disegani serta ditakuti sehingga kini.

Menurut beliau, disiplin dan sikap mematuhi arahan pasukan Light Brigade tentera British yang hanya mengandungi 600 anggota membolehkan mereka mara ke medan perang walaupun terpaksa menghadapi 2,000 tentera Russia yang lengkap dengan meriam.

(END)